



PERAK  
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KENYATAAN RASMI BIL. 8/2020

### PENJELASAN ISU MUAMALAT KETIKA WABAK COVID-19 JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

Rentetan daripada paparan jawapan berkenaan bayaran upah mengasuh anak, apakah boleh ambil bayaran penuh sedangkan anak tidak dihantar ke rumah pengasuh? Begitu juga bayaran yuran tadika / tuisyen / persekolahan, apakah tetap dikenakan bayaran penuh?

**Penjelasan :** Jabatan Mufti Negeri Perak setelah meneliti komen para netizen terhadap soal jawab muamalat perkara di atas ingin menjelaskan beberapa perkara seperti berikut :

- a) Penjelasan terhadap persoalan muamalat di atas ini bukanlah merupakan fatwa yang diwartakan sepertimana yang dikehendaki berdasarkan akta atau Enakmen. Ianya merupakan Irsyad Hukum (petunjuk hukum) yang dikeluarkan oleh Mufti sebagai panduan umum kepada pertanyaan awam / persoalan umum masyarakat terhadap sebarang isu semasa.
- b) Jabatan Mufti Negeri Perak dalam merungkai permasalahan berkaitan persoalan yuran / upah terhadap tadika / pusat tuisyen / persekolahan telah menekankan beberapa aspek utama / asas dalam muamalat yang perlu diteliti iaitu :
  - i) Reda antara pihak-pihak : Penekanan terhadap kaedah samada perbincangan, taklimat, perundingan atau pemakluman awal antara ibu / bapa / penjaga bersama pengusaha / pengasuh / pentadbir sekolah / institusi dengan merujuk terma dan perjanjian sama ada bertulis atau lisan. Keperluan utama terhadap kaedah perbincangan, taklimat, perundingan atau pemakluman awal penting agar **wujud keredaan** antara kedua pihak yang berkontrak (berakad). Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 29 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Bermaksud : “ Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka (reda) di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu ”.

Kaedah fiqh menyebut :

الأصل في العقود هو التراضي

Maksudnya : “Hukum asal dalam akad ialah keredaan kedua-dua belah pihak”.

- ii) Pematuhan undang-undang / perjanjian : Penjelasan yang dinyatakan ini turut menekankan bahawa sebarang perkhidmatan / sewaan / jual beli antara pihak-pihak tertakluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan atau apa-apa pernyataan yang dikemukakan oleh pihak berwajib. Hal ini kerana sebagai rakyat perlu sedar bahawa pihak berwajib mempunyai hak mengadakan undang-undang, peraturan-peraturan atau apa-apa pernyataan selagi mana tidak bercanggah dengan syarak. Kaedah fiqh menyatakan :

تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya : “ Tindakan (perlaksanaan) pemerintah ke atas rakyat adalah mesti berkait (terikat) dengan masalah ”.

- iii) Isu memberi dan membekalkan perkhidmatan merupakan unsur utama dan penting di dalam sesuatu kontrak yang dimeterai antara pihak-pihak. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dikira sebagai salah satu keadaan faktor mendatang atau hal mendatang yang tidak terduga “awaridh tari’ah” atau “zuruf tari’ah” yang memberikan kesan kepada kemampuan dan keberkesanan terhadap perkhidmatan.

Bagi menjamin perkhidmatan tetap boleh dilaksanakan kepada pelanggan, mana-mana pengasuh / pengusaha tadika atau taska / pusat tuisyen / sekolah / institusi boleh memberi dan membekalkan perkhidmatan kepada pelanggan atau penyewa dengan cara / mekanisme yang pelbagai. Sebagai contoh, kaedah perkhidmatan boleh diluaskan samada termasuk secara *online* (maya). Penyediaan perkhidmatan dan penjualan produk adalah asas kepada transaksi muamalat dan urusan niaga.

- c) Diharap penjelasan ini dapat memberi pencerahan kepada pihak yang terlibat sama ada daripada pihak pembayar atau pembekal agar dapat memberi perhatian terhadap sebarang syarat, terma, perjanjian, persetujuan dan perbincangan terhadap sesuatu kontrak (akad). Perhatian dan pemahaman ini penting bagi mewujudkan keredaan pihak-pihak tanpa wujud anasir negatif seperti ketidakadilan dan ketidakjelasan (*gharar*) dalam urusan muamalat.

**Saranan :** Jabatan Mufti Negeri Perak ingin menasihatkan masyarakat termasuk para netizen yang meneliti persoalan ini terhadap beberapa perkara berikut :

- i) Melihat sesuatu penjelasan hukum yang dikeluarkan dari sudut yang positif dan elakkan bersikap emosional dalam menilai sesuatu termasuk mengaitkan sesuatu yang tidak berkaitan dengan isu dan persoalan.
- ii) Pengasuh / pengusaha tadika / taska / pusat tuisyen / sekolah / institusi perlu mengambil langkah menang-menang dengan pihak ibu bapa / penjaga disebabkan faktor mendatang yang tidak diduga. Perbincangan adalah antara kaedah terbaik dalam menentukan keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat.
- iii) Pihak ibu bapa / penjaga juga perlu mengelakkan sifat terlalu berkira terhadap pihak pengasuh / pengusaha tadika / taska / sekolah / institusi. Sifat bertolak ansur perlu dengan mengambil kira jasa dan pengorbanan mereka terhadap anak-anak.
- iv) Pengusaha tadika / taska / sekolah / institusi perlu membuat persediaan kewangan dengan mewujudkan dana rizab dan simpanan untuk menjamin kelangsungan (*survival*) perniagaan dan perkhidmatan di waktu dan keadaan yang tidak diduga.

Disediakan oleh : Jabatan Mufti Negeri Perak